

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]
TARIKH : 19 MAC 2018
SOALAN : 20

Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan pembinaan hospital baru daerah Kerian di sempadan Parit Buntar dan Bagan Serai.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital baharu di daerah Kerian, Perak adalah Hospital Parit Buntar. Projek Hospital Parit Buntar ini telah ditender pada **14 Ogos 2017** dan Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada **06 Disember 2017**. Projek ini telah memulakan pelaksanaan pada **02 Januari 2018** dan projek dijangka siap pada **02 Januari 2021**.

Hospital ini akan dibangunkan sebagai sebuah hospital tanpa pakar dengan kapasiti **76 katil** dan melibatkan kemudahan-kemudahan seperti *Out-patient Care (Visiting Specialist Clinics, Emergency Department, Rehab - Occupational Therapy and Physiotherapy, Haemodialysis), In-patient Care (Female Ward, Male Ward, Paediatric Ward, O & G Ward, High Dependency Unit), Operating Theatre, Diagnostic and Treatment Department (Pathology and Radiology)*, pentadbiran, pendidikan dan latihan serta fasiliti awam (termasuk balai pelawat) dan fasiliti kakitangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI GHAZALI
(BAGAN SERAI)**

TARIKH : 19 MAC 2018

RUJUKAN : 10590

SOALAN :

PR-1361-L04377

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik penagihan dadah
mengikut negeri, jenayah berkaitan penagihan dadah dan
statistik aktiviti atau tindakan pihak Kerajaan dalam
membasmikan aktiviti jenayah berkaitan dadah.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah penagih dadah yang dikesan pada tahun 2017, adalah seramai 25,922 orang. Daripada jumlah tersebut, negeri Pulau Pinang mencatatkan jumlah tertinggi iaitu seramai 3,844 orang. Ini diikuti dengan Kelantan seramai 3,700 orang, Kedah seramai 2,655 orang, Selangor seramai 2,375 orang, Johor seramai 2,108 orang, Pahang seramai 2,088 orang, Terengganu seramai 2,044 orang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seramai 1,655 orang, Perak seramai 1,557 orang, Sabah seramai 1,047 orang, Negeri Sembilan seramai 1,012 orang, Perlis seramai 654 orang, Melaka seramai 613 orang, Sarawak seramai 440 orang, Wilayah Persekutuan Labuan seramai 92 orang dan Wilayah Persekutuan Putrajaya seramai 38 orang.

Bagi membanteras aktiviti jenayah berkaitan dadah, Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan dan melaksanakan strategi-strategi seperti berikut:

- a) Meningkatkan kerjasama dengan lain-lain agensi penguatkuasaan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan dan menjalankan operasi bersepadu;**
- b) Mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas**

sindiket dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah;

- c) Menjalankan risikan terperinci untuk mengesan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas sindiket dan pengedar yang terlibat;
- d) Melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988; dan
- e) Memantau media sosial bagi mencegah dan melumpuhkan sebarang bentuk kegiatan jual beli dadah secara *online*.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 144,382 kes telah disiasat dan 166,872 orang telah ditangkap atas pelbagai kesalahan dadah.

Selain tindakan yang berterusan ini, Kerajaan melalui AADK juga telah menggerakkan program Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) bagi membersihkan 178 kawasan berisiko di seluruh negara secara berperingkat. Kawasan sasaran utama yang telah dikenal pasti ialah kawasan nelayan, penempatan tanah rancangan (FELDA dan FELCRA) serta Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Strategi PDH adalah menggunakan pendekatan menggerakkan agensi-agensi Kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti melibatkan peranan mereka sebagai perancang, penggerak dan pemilikhak (*ownership*) dalam setiap program dan aktiviti pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah

serta penguatkuasaan dadah. Program PDH yang telah dilaksanakan sejak tahun 2016 ini akan diteruskan pada tahun 2018.

SOALAN (22)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 19 MAC 2018
[ISNIN]
DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]

SOALAN :-

YB TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah kes diselesaikan di Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) mengikut tahun dan negeri sejak tahun 2015. Adakah Kerajaan bercadang meminda akta untuk membenarkan tuntutan melebihi RM50,000 dapat dirujuk kepada TPPS.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) terdiri daripada dua Tribunal iaitu **Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)** dan **Tribunal Pengurusan Strata (TPS)**.

Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) mengendalikan kes-kes yang berbangkit daripada perjanjian jual beli antara pembeli rumah dengan pemaju perumahan. Manakala **Tribunal Pengurusan Strata (TPS)** mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan pengurusan strata.

Bagi tempoh 2015 hingga 2017, **sebanyak 11,109 kes telah diselesaikan** oleh kedua-dua Tribunal iaitu 5,658 oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan 5,451 oleh Tribunal Pengurusan Strata (TPS). Perincian mengikut tahun dan negeri adalah seperti berikut:

27

Kes Selesai TTPR dari Tahun 2015 hingga 2017

Negeri	2015	2016	2017	Jumlah
Perlis	25	82	44	151
Kedah	179	167	45	391
Pulau Pinang	159	102	273	534
Perak	63	45	115	223
Selangor	644	553	502	1,699
Wilayah Persekutuan	68	442	106	616
Negeri Sembilan	46	31	133	210
Melaka	11	119	79	209
Johor	267	365	438	1,070
Kelantan	15	17	92	124
Terengganu	43	30	35	108
Pahang	137	117	69	323
Jumlah	1,657	2,070	1,931	5,658

Kes Selesai TPS dari Tahun 2015 hingga 2017

Negeri	2015	2016	2017	Jumlah
Perlis	0	0	0	0
Kedah	0	0	1	1
Pulau Pinang	0	322	373	695
Perak	0	36	7	43
Selangor	304	1,004	1,156	2,464
Wilayah Persekutuan	65	680	927	1,672

Negeri	2015	2016	2017	Jumlah
Negeri Sembilan	0	150	68	218
Melaka	1	58	19	78
Johor	0	0	53	53
Kelantan	0	0	0	0
Terengganu	0	1	2	3
Pahang	11	84	129	224
Jumlah	381	2,335	2,735	5,451

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (Akta 118) telah ditetapkan tidak melebihi RM50,000.00. Manakala Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPS) yang ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dengan bidang kuasa tidak melebihi RM250,000.00 adalah bersesuaian buat masa ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018